

# Seni Silat Melayu akan diperkenalkan ke luar negeri secara meluas

-8 NOV 1986

B. Harlan (M)

*1986/1987*  
KUALA LUMPUR, Ju-  
maat — Seni Silat Mela-  
yu akan diperkenalkan  
secara besar-besaran di  
luar negeri khususnya  
di Amerika Syarikat  
dan Britain jika ada pi-  
hak yang berminat me-  
najanya.

Encik Abdul Razak  
Othman, 24 lulusan ija-  
zah kejuruteraan kimia  
daripada Universiti  
Surrey, England adalah  
orang pertama berusa-  
ha memperkenalkan  
seni mempertahankan  
diri Melayu melalui ke-

lab-kelab seni silat  
yang ditubuhkannya di  
London, Glasgow, Bel-  
fast dan New Castle.

Kelab yang ditubuh-  
kan itu mula menempa  
nama pada 1983 selepas  
ia dibuka kepada  
penyertaan orang ra-  
mai. Sebelumnya kegia-  
tan beliau hanya ditum-  
pukan kepada kalangan  
pelajar sahaja.

Menurut Encik Ra-  
zak, kelab yang ditu-  
buhkan pada 1982 itu  
pada mulanya menda-  
pat sambutan dingin  
daripada kalangan pe-  
lajar dan orang ramai.  
Mereka sudah biasa  
dengan Tae Kwan-do,  
Karate, Taiji, Ikido,  
Wuu Shu Kuan dan Sa-  
vart.

## Tenaga

Beliau juga sering di-  
soal "apa istimewanya  
silat Melayu?" di ka-  
langan masyarakat di  
sana.

Usaha beliau juga  
mendapat persaingan  
hebat dan menimbul-  
kan perasaan irihati di  
kalangan guru-guru si-  
lat yang sudah terke-  
nal. Malahan ada anta-  
ra mereka yang cuba  
menguji keupayaan  
dan kebolehan beliau  
mempertahankan diri  
melalui seni silat Mela-  
yu.

"Setakat ini saya ti-  
dak pernah dicabar se-  
cara kurang ajar. Mere-  
ka mempelawa saya  
beradu tenaga secara  
baik serta dengan pera-  
saan ingin tahu. Setakat  
ini saya bersyukur ke-  
rana belum pernah ka-  
lah," katanya.

Encik Razak sete-  
rusnya memberitahu,  
beliau mula memperla-  
jari seni mempertah-

kan diri ketika berumur  
lima tahun. Beliau ma-  
hir dalam beberapa  
seni silat Melayu dari-  
pada seorang guru silat  
terkenal di Pulau Pi-  
nang, Encik Alias Ja-  
mil, yang kini bertugas  
sebagai Setiausaha  
Pertubuhan Seni Silat  
Gayung Malaysia.

Menurut beliau, pada  
1984 Kelab Silat Melayu  
yang ditubuhkan itu  
pernah menganjurkan  
pertunjukan seni mem-  
pertahankan diri "Wor-  
ld of Warriors" di Uni-  
ted Kingdom.

Selain berfungsi seba-  
gai penyelaras, penga-  
rah dan juga tenaga  
penggerak utama per-  
tunjukkan itu, beliau  
juga pernah mengan-  
jurkan beberapa siri  
perkhemahan musim  
panas dan seminar bagi  
memperkenalkan silat  
Melayu di Britain.

Awal tahun ini beliau  
menemui tokoh seni  
mempertahankan diri  
ala Bruce Lee yang ter-  
kenal, Daniel Inosanto,  
keturunan Filipina bagi  
merancang suatu semi-  
nar secara besar-besa-  
ran di Los Angeles, bu-  
lan Mac tahun depan.

Beliau juga berca-  
dang berbincang  
dengan pengusaha dan  
pengarah filem yang  
berminat menerbitkan  
filem berunsur seni si-  
lat Melayu, bagaima-  
na yang pernah diusa-  
hakan oleh pengusaha-  
pengusaha filem luar  
negeri seperti Hong  
Kong dan Taiwan.

Usaha beliau setakat  
ini tidak sia-sia kerana  
beliau pernah menda-  
pat sijil penghargaan  
daripada penajanya di  
England.